

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelaksanaan program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan diperluas ke institusi pengajian tinggi (IPT) mulai tahun 2012 sebagai alternatif bagi membantu mahasiswa mendapatkan makanan pada harga berpatutan.

Dengan membelanjakan RM2 hingga RM2.50, pelajar boleh menikmati sarapan sama ada roti canai, nasi lemak atau buah goreng dengan secawan minuman teh O. Untuk makan tengah hari pula, RM4 cukup untuk menikmati ayam atau ikan masak sambal bersama-sama sayur dan air sirap atau oren.

PROGRAM MR1M

» Pelaksanaan **belum menyeluruh di IPT, kurang sokongan daripada pengendali gerai**

FAKTA NOMBOR

RM4
harga

bagi menikmati ayam atau ikan masak sambal bersama-sama sayur dan air sirap atau oren pada tengah hari

Walaupun inisiatif itu jelas mampu membantu mengurangkan kos perbelanjaan harian pelajar, pelaksanaannya masih belum ketara di IPT berikutan kurang mendapat sokongan daripada pengendali gerai makanan, antara lain disebabkan tekanan kos bahan mentah yang meningkat.



Kafe di Kolej Kediaman 13 satu-satunya gerai di UPM, Serdang yang masih melaksanakan program MR1M.

MPP saran kerajaan bantu peniaga

● Dari muka 1

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM, Mohamad Syzrul Yahya, berkata di universiti itu, daripada lebih lapan gerai yang menawarkan MR1M pada tahun 2012, kini hanya kafe di Kolej Kediaman 13 yang masih melaksanakannya.

Beliau berkata, pengendali kafe berkenaan kekal menawarkan MR1M antara lain atas dasar timbang rasa kerana kebanyakannya pelajar yang menetap di kolej kediaman itu ialah mahasiswa program asasi yang menerima eluan pengajian kecil, malah sebahagiannya tidak mendapat seba-

rang tajaan.

“Awal pelaksanaan MR1M di UPM memang ketara apabila peniaga memasang kain rentang serta menyenaraikan menu dan harga di premis masing-masing bagi menarik pelajar mendapatkan makanan di gerai mereka.

“Namun, kini hanya kafe Kolej Kediaman 13

kekal menyokong program MR1M kerana peniaga itu satu-satunya pengendali gerai di kafe berkenaan dan pelajar asasi membeli makanan di situ setiap hari,” katanya.

Mohamad Syzrul berkata, kafe yang dikendalikan ramai peniaga seperti di Medan Selera dan Kolej Serumpun kurang memberi sokongan terhadap program MR1M kerana perlu memastikan pendapatan dijana mencukupi bagi menampung kos operasi serta mengutamakan keuntungan.

Langkah penjimatan

Beliau mencadangkan kerajaan menyediakan insentif sewajarnya seperti subsidi kos bahan mentah serta pelepasan cukai berkaitan bagi menggalakkan peniaga melaksanakan semula MR1M di IPT.

Sementara itu, Yang Dipertua MPP Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Rio Iskandar Jasman, berkata pelaksanaan MR1M di universiti itu juga belum menyeluruh walaupun langkah penjimatan yang baik dan menawarkan pilihan menu sihat.

Katanya, MPP akan mengadakan perbincangan semula dengan



Mohamad Syzrul

peniaga bagi memperluas pelaksanaan program penjimatan itu di UniMAP serta meningkatkan promosi bagi memperkenalkan menu berkenaan kepada pelajar.

“Walaupun harga makanan di Perlis secara umumnya berpatutan, menu yang disediakan kebanyakannya kurang sihat.

“Apabila dilaksana semula nanti, promosi lebih menggalakkan perlu dilakukan kerana mungkin tidak ramai pelajar mahu memesan menu itu kerana tidak tahu, atau ada yang mahukan lauk lain yang tidak disediakan peniaga kerana harga MR1M ditetapkan dengan hidangan sedia ada,” katanya.